

20 APR 1999

Agong-rakyat

AGONG HARAP RAKYAT TIDAK TIMBULKAN HURU HARA

KUALA LUMPUR, 20 April (Bernama) -- Yang di-Pertuan Agong Tuanku Ja'afar berharap rakyat tidak akan menimbulkan huru hara dengan bertindak di luar batasan sehingga boleh menjejaskan keamanan dan keharmonian negara.

Seri Paduka juga mahu rakyat menunjuk penghargaan kepada kerajaan dengan sentiasa menjalinkan hubungan yang akrab antara satu sama lain.

"Beta berharap rakyat akan bersyukur dan berterima kasih kepada kerajaan yang telah berusaha dengan gigih, dedikasi dan komitmen untuk membawa pembangunan yang berterusan yang bermanfaat kepada masyarakat," titah Seri Paduka pada majlis Perpisahan Rasmi oleh kerajaan persekutuan di sini malam ini.

Seri Paduka juga meminta rakyat supaya menyanjungi konsep kedaulatan undang-undang demi memperkukuhkan kestabilan negara.

"Kita telah menunjukkan kemampuan kita sebagai sebuah negara berbilang kaum yang boleh hidup bersatu padu dan bekerjasama antara satu dengan lain tanpa mementingkan diri sendiri," titah Seri Paduka.

Tuanku Ja'afar berharap walaupun negara masih mengalami kesan-kesan krisis ekonomi, rakyat akan terus mengekalkan keharmonian kaum di negara ini.

"Sanjungi sifat-sifat mulia dan teraplai nilai-nilai yang beretika tinggi yang murni demi menjaga kepentingan masa depan anak-anak kita. Beta percaya dengan kerjasama rakyat sekalian negara mampu mengatasi sepenuhnya masalah ekonomi dan seterusnya membawa pembangunan kepada semua," titah Seri Paduka.

Seri Paduka juga turut mengucapkan terima kasih terhadap kerajaan persekutuan serta kerjasama yang ditunjukkan oleh pegawai-pegawai perkhidmatan awam semasa Seri Paduka menjalankan tugas sebagai Yang di-Pertuan Agong selama lima tahun.

Tuanku Ja'afar juga mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang bukan sahaja telah banyak membantu Seri Paduka dalam hal-hal pentadbiran dan kepimpinan negara tetapi juga atas bimbingan serta nasihat yang berguna yang diberikannya.

"Sifat Perdana Menteri yang berani serta lantang menyuarakan sesuatu isu demi menegakkan keadilan telah meningkatkan imej negara di mata dunia," titah Seri Paduka.

Tuanku Ja'afar percaya sifat Perdana Menteri itu serta usaha gigih dan dedikasi beliau dan anggota-anggota kerajaannya telah berjaya membawa Malaysia ke tahap kemajuan sekarang walaupun negara terpaksa menghadapi masalah ekonomi.

"Beta gembira langkah-langkah berani dan tegas yang diambil kerajaan untuk mengatasi masalah ekonomi telah menunjukkan hasil yang positif. Berkat kerjasama dan sokongan semua, ekonomi negara telahpun menunjukkan tanda-tanda pemulihan," titah Seri Paduka.

Tuanku Ja'afar turut gembira kerana masalah ekonomi tidak menjejaskan kestabilan negara malah rakyat telah memberi sokongan padu kepada usaha dan program pemulihan tanpa perlu meminta bantuan badan antarabangsa seperti Dana Kewangan Antarabangsa (IMF).

Seri Paduka mahu rakyat terus menerapkan semangat perpaduan kerana itu adalah kunci utama dalam menentukan keamanan dan mempertahankan kedaulatan negara.

-- BERNAMA  
ARA AHH WAT

